

JPN, KDN bincang kaji dasar sedia ada

Cari mekanisme lebih sesuai proses daftar anak tidak sah taraf

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Pejabat Peguam Negara dan mufti bagi mengkaji dasar sedia ada, selain menggunakan pakai satu dasar saja dalam proses pendaftaran anak tidak sah taraf.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ruslin Jusoh, berkata setakat ini terdapat dua pilihan pendaftaran anak tidak sah taraf, iaitu boleh di

bin atau binti dengan nama Abdullah atau menggunakan nama Asmaul Husna.

Beliau berkata, perbincangan itu kelak akan membincangkan mekanisme lebih sesuai dalam proses pendaftaran anak tidak sah taraf supaya tidak berlaku pertembungan.

"Pihak kita (JPN) tahu kebanyakannya negri mempunyai peraturan dan enakmen masing-masing.

"Satu daripada tindakan, kita juga akan menjalin hubungan dengan pejabat agama negeri bagi mencari jalan penyelesaian antaranya dari segi dasar, selain melihat penambahbaikan atau peraturan baharu dikeluarkan.

"Setakat ini, perbincangan sudah bermula pada peringkat KDN terlebih dulu dan kita akan keluarkan satu arahan baharu dengan dasar sedia ada. Pada peringkat JPN pula, kita sedang melihat kesesuaian dengan keputu-

san mahkamah baru-baru ini," katanya selepas menyerahkan dokumen pengenalan diri kepada lapan beranak di belakang Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, di sini, semalam.

Mengikut statistik pendaftaran kelahiran, 25,567 anak tidak sah taraf didaftarkan dengan JPN se-

*Setakat ini,
perbincangan
sudah bermula pada
peringkat KDN terlebih
dulu dan kita akan
keluarkan satu
arahan baharu dengan
dasar sedia ada.*

Ruslin Jusoh,
Ketua Pengarah JPN

'Larangan tidak pernah timbulkan sebarang masalah'



Keratan akbar BH pada 16 Februari lalu.

jak 2019 sehingga bulan lalu, termasuk bagi perkahwinan yang tidak mencukupi enam bulan.

Media sebelum ini melaporkan, Mahkamah Persekutuan dalam keputusan majoriti 4-3, memutuskan anak orang Islam yang dilahirkan di luar ikatan perkahwinan atau tidak sah taraf, tidak boleh di bin atau binti dengan nama bapanya.

Panel tujuh hakim dipengerusikan Presiden Mahkamah Rayuan, Datuk Rohana Yusuf dilaporkan membenarkan sebahagian rayuan dikemuka JPN, Ketua Pengarah JPN dan kerajaan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan.

Mahkamah Rayuan pada 2017, memutuskan anak orang Islam yang tidak sah taraf tidak boleh

menggunakan nama bapa, sebaliknya perlu di bin atau binti Abdullah.

Mengulas lanjut, Ruslin berkata, perbincangan penuh dengan pihak berkaitan akan dilakukan selepas pihaknya menerima alasan penghakiman susulan kes mahkamah, baru-baru ini.

"Lanjutan keputusan mahkamah baru-baru ini membabitkan kes di Johor yang memutuskan pihak JPN mengeluarkan bin Abdullah, kami akur dengan keputusan itu.

"Dalam konteks ini secara teknikal nama anak akan jadi 'setakut' saja dan setakat ini, kita belum membuat tindakan selagi tidak menerima alasan penghakiman, namun kes berkenaan hanya berlaku di Johor saja," katanya.